

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 4 (28)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 11 TAHUN 2022**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **30 Mei 2022**

Disalinkan kepada:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Penolong Naib Canselor (Kepimpinan dan Pembangunan)
- Ketua-Ketua PTj

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 11 TAHUN 2022

**PENERIMAAN PEMAKAIAN
SURAT EDARAN PENAMBAHBAIKAN DASAR BEKERJA DARI RUMAH BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UNIMAS mengenai penerimaan pemakaian Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 256/6/31 Jld.10 (30) berkenaan Penambahbaikan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam melalui MyPPSM cerai SR.4.1.2 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuarat Bil. 02/2022 Ke-103 bertarikh 13 Mei 2022.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebajikan pegawai perkhidmatan awam dan dalam masa yang sama perlu meningkatkan kualiti, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan serta selaras dengan ucapan YAB Perdana Menteri sempena sambutan Hari Wanita 2022 pada 8 Mac 2022, Kerajaan bersetuju menambah baik dasar BDR sedia ada.

Penambahbaikan pada dasar BDR seperti butiran berikut:

- a) Ketua Jabatan adalah **diwajibkan untuk mengarahkan pegawai yang kematian suami atau isteri untuk BDR sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari CTR** telah digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1.
- b) Tempoh pemberian BDR hendaklah yang **bersesuaian dan tidak melebihi dua (2) minggu** termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am tertakluk pertimbangan Ketua Jabatan.

Pekeliling Pentadbiran ini **berkuat kuasa pada 10 Mac 2022**.

Sekian, terima kasih.

“CROSSING FRONTIERS 1992 – 2022”

Yang benar,



Haji Allan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.SARAAN (S) 256/6/31 Jld.10 (30)
Tarikh : 10 Mac 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN DASAR BEKERJA DARI RUMAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.4.1.2 : Dasar Bekerja Dari Rumah bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.
3. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebajikan pegawai perkhidmatan awam dan dalam masa yang sama perlu meningkatkan kualiti, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan, dan selaras dengan ucapan YAB Perdana Menteri

sempena sambutan Hari Wanita 2022 pada 8 Mac 2022, Kerajaan bersetuju supaya Ketua Jabatan adalah diwajibkan untuk membenarkan/mengarahkan BDR kepada pegawai yang kematian suami atau isteri sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 telah digunakan. Tempoh pemberian BDR ini hendaklah yang bersesuaian dan tidak melebihi tempoh dua (2) minggu termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan, dan Hari Kelepasan Am tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.

4. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian SR.4.1.2 : Dasar Bekerja Dari Rumah seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara